
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

BAT 201/3 – Limnologi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Bincangkan dengan terperinci kitaran nitrogen dalam sebuah empangan dan peranan manusia dalam mengubahsuai kitaran tersebut.
(20 markah)
2. Tuliskan nota untuk tajuk-tajuk berikut:
 - [a] Pertalian antara karbon dioksida dengan sistem karbonat-bikarbonat dan fotosintesis.
(10 markah)
 - [b] Peranan zon litoral dalam produktiviti ekosistem akuatik.
(10 markah)
3. Huraikan jenis-jenis tasik berikut:
 - [a] Monomiktik
 - [b] Dimiktik
 - [c] Polimiktik
 - [d] Meromiktik
(20 markah)
4. Tasik Harapan merupakan suatu tasik yang eutrofik. Huraikan ciri-ciri yang dimilikinya yang membolehkannya dikategorikan sebagai sebuah tasik eutrofik.
(20 markah)
5. Terangkan nutrien utama yang diperlukan oleh fitoplankton dalam persekitaran lentik.
(20 markah)
6. Bincangkan konsep Kesenambungan Sungai dan dua jenis variasi konsep tersebut untuk ekosistem sungai.
(20 markah)